

'Saya manu jumpa Dr. Mahathir'

DESA MUDIK (PULAU NIAS) 4 April - "Saya manu jumpa bapak Dr. Mahathir Mohamad kerana mereka bilang (beritahu) beliau sangat pintar dan budiman orangnya.

"Tolong beritahu kami di sini susah dan perlukan bantuannya," kata kanak-kanak berumur sembilan tahun ini yang juga salah seorang penghuni Panti Asuhan Al-Wasliyah.

Dia mungkin sama seperti kanak-kanak lain di rumah anak yatim itu.

Namun terdapat satu perkara yang membezakannya dari yang lain, ini kerana ketas kampung di tanah kelahirannya memakan kanak-kanak itu



MAHATHIR MOHAMAD

suka tersenyum itu sempat

CERITA mengenai anak yatim Mahathir Mohamad di Pulau Nias yang disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia*, kelmarin.

Bekas PM sedia temui Mahathir

UM - 7 APR 2005

PUTRAJAYA 6 April - Hajat anak yatim dari Panti Asuhan Al-Wasliyah di Desa Mudik, Pulau Nias untuk berjumpa dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad mungkin menjadi kenyataan apabila bekas Perdana Menteri hari ini menyatakan kesediaan menemui kanak-kanak yang dinamakan sempena namanya itu.

Dr. Mahathir bagaimanapun berharap *Utusan Malaysia* yang bertanggungjawab melaporkan hasrat kanak-kanak tersebut dapat menguruskan pertemuan tersebut.

"Saya tak tahu macam mana nak buat. Dia duduk di Pulau Nias, saya tak tahu macam mana dia boleh jumpa dengan saya. Barangkali Utusan boleh uruskan," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Biro Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Pergerakan Pemuda UMNO di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

Dr. Mahathir yang ditanya tentang hasrat kanak-kanak tersebut memberitahu beliau sendiri setakat ini tidak mempunyai rancangan hendak pergi ke Pulau Nias yang dilanda bencana gempa bumi 28 Mac lalu.

"Tetapi kalau Utusan boleh aturkan macam mana hendak pergi jumpa, saya hendak jumpa jugalah," katanya sambil tersenyum.

Wartawan *Utusan* yang membuat liputan bencana gempa bumi dari Pulau Nias, semalam, melaporkan hajat kanak-kanak berumur sembilan tahun itu Mahathir Mohamad yang begitu teringin bertemu dengan Dr. Mahathir yang diketahuinya daripada guru-guru di sekolah sebagai seorang tokoh terkemuka.

Mahathir yang merupakan anak yatim piatu dimasukkan ke Panti Asuhan Al-Wasliyah sejak bayi.